

**INTEGRASI NASIONAL SEKOLAH WAWASAN DI
KOMPLEKS SEKOLAH WAWASAN TAMAN
AMAN, ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN**

RAHIMI BIN RA'AIS

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**INTEGRASI NASIONAL SEKOLAH WAWASAN
DI KOMPLEKS SEKOLAH WAWASAN TAMAN
AMAN, ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**

Oleh

RAHIMI BIN RA'AIS

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

Mac 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan yang amat bernilai sepanjang masa dalam proses menyiapkan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden-responden kajian yang telah menyumbangkan data-data yang sangat berguna untuk menjayakan tesis ini. Selain itu, saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Institut Pengajian Siswazah dan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan peluang kepada saya dalam menyempurnakan ijazah ini.

Terima kasih juga diucapkan terhadap sokongan kawan-kawan, ahli keluarga atas dorongan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Saya mengharapkan semoga Allah S.W.T membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini.

Akhir sekali, saya berdoa kepada Allah S.W.T mudah-mudahan tesis dapat memberi faedah kepada kita semua.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	x

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Sorotan Karya Lepas	7
1.5	Persoalan kajian	12
1.6	Objektif Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Batas Kajian	14
1.8.1	Pemilihan Murid	14
1.8.2	Sampel Kajian	15
1.8.3	SJKC Pumpong keluar SWTA	15
1.9	Kerangka Penulisan	16
1.10	Kesimpulan	16

BAB 2: KONSEP DAN TEORI SEKOLAH WAWASAN

2.1	Pengenalan	18
2.2	Latar Belakang Pendidikan di Malaysia	18
2.2.1	Sejarah Awal dan Semasa Penjajahan British	19
2.2.2	Pendidikan di Malaysia Selepas Merdeka	22
2.3	Hala Tuju Sistem Pendidikan Di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional	24
2.4	Takrifan Sekolah Wawasan	27
2.4.1	Sekolah Wawasan	27
2.4.2	Kompleks Sekolah Wawasan	27
2.4.3	Konsep Sekolah Wawasan	29
2.4.4	Matlamat dan Hala Tuju Sekolah Wawasan	32
2.4.5	Aktiviti Sekolah Wawasan	34
2.4.6	Aktiviti bersama	34
2.5	Konsep Hubungan Etnik	36
2.5.1	Etnik / Kaum	38
2.5.2	Interaksi Hubungan Etnik	38
2.6	Masalah Hubungan Etnik Yang Wujud	42
2.7	Kerangka Teori	47
2.7.1	Teori Fungsionalisme	47
2.8	Unjuran Konteks dalam Proses Hubungan Etnik	49
2.8.1	Asimilasi	49
2.8.2	Akomodasi	50
2.8.3	Akulturasi	51
2.8.4	Amalgamasi	51

2.9	Kesimpulan	53
-----	------------	----

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Pengumpulan Data	56
3.4	Analisis Data	60
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	60
3.6	Kesimpulan	61

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	62
4.2	Latar Belakang Responden	63
4.2.1	Jumlah Guru	63
4.2.2	Jumlah Murid	64
4.2.3	Jumlah Responden Borang Soal Selidik	64
4.2.4	Jumlah Responden Ditemubual	65
4.3	Analisa Data Melalui Temubual dan Borang Selidik	66
4.3.1	Pentadbiran Sekolah Wawasan Taman Aman	66
4.4	Penilaian Aspek Pemupukan Perpaduan	70
4.5	Ukuran Perpaduan Berdasarkan Sikap/Nilai Integratif	73
4.5.1	Petunjuk Berdasarkan Aktiviti Rasmi Di Sekolah	73
4.5.1.1	Perhimpunan Bulanan	74
4.5.1.2	Kegiatan Kokurikulum (KOKU)	75
4.5.1.3	Majlis-majlis Sambutan Khas	80

4.5.2	Petunjuk Berdasarkan Nilai Integratif Dalam Perkara Umum	81
4.6	Ukuran Perpaduan Berdasarkan Amalan Sosial	84
4.6.1	Petunjuk Berdasarkan Aktiviti Tidak Rasmi Di Sekolah	84
4.6.1.1	Berehat dan Berinteraksi Di Pondok Bacaan	84
4.6.1.2	Aktiviti Bermain	86
4.6.1.3	Mempunyai rakan daripada etnik lain	87
4.6.1.4	Hal selalu berbual-bual	88
4.6.1.5	Bahasa perantaraan interaksi	89
4.6.2	Suasana Perpaduan Di Tempat-tempat Lain	89
4.6.3	Petunjuk Berdasarkan Amalan Sosial Umum	89
4.6.3.1	Berkunjung Ke Rumah Rakan Bukan Sama Etnik	90
4.6.3.2	Raikan Perayaan Etnik Lain	90
4.7	Penilaian Umum Kejayaan Sekolah Wawasan	91
4.8	Kelebihan Sekolah Wawasan	95
4.9	Antara Kritikan, Kegusaran dan Realiti	98
4.10	Kesimpulan	102
 BAB 5: RUMUSAN		
5.1	Pengenalan	104
5.2	Ringkasan Dapatan Utama	108
5.3	Peranan Sekolah Wawasan	111
5.4	Kesimpulan	115
 BIBLIOGRAFI		117

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 4.1	Jumlah Guru SWTA	63
Jadual 4.2	Jumlah Murid Mengikut Kaum SWTA	64
Jadual 4.3	Jumlah Responden Borang Soal Selidik	64
Jadual 4.4	Jumlah Responden Ditemubual	65
Jadual 4.5	Perhimpunan Bulanan Memupuk Perpaduan	75
Jadual 4.6	Perpaduan Dalam Aktiviti Rasmi Di Sekolah	79
Jadual 4.7	Perkara-Perkara Umum Yang Berkaitan Persekolahan	83
Jadual 4.8	Perpaduan Dalam Aktiviti Rasmi Di Sekolah	86
Jadual 4.9	Aktiviti Tidak Rasmi Antara Murid	87
Jadual 4.10	Aktiviti Sosial Umum Antara Murid	91

INTEGRASI NASIONAL SEKOLAH WAWASAN DI KOMPLEKS SEKOLAH WAWASAN TAMAN AMAN, ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

ABSTRAK

Kewujudan Sekolah Wawasan merupakan satu idea dan cadangan Kementerian Pendidikan bagi tujuan mengukuhkan lagi konsep perpaduan antara rakyat Malaysia dan didukung dari peringkat umur bawahan lagi. Melalui kajian yang dijalankan ini, pengkaji cuba melihat Keberkesanan Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar (SWTA) sebagai sebuah sekolah wawasan dalam mencapai objektif yang ditetapkan oleh kementerian. Secara keseluruhannya, kajian ini hanya melibatkan dua jenis buah sekolah sahaja berbanding tiga sebelum ini. Dua buah sekolah tersebut ialah SK Taman Aman dan juga SJKT Thruvalluar. Bagi SJKC Pumpong, sekolah ini telah berpindah di bangunan baru dan keluar dari konsep sekolah wawasan yang di SWTA ini. Walaupun hanya tinggal dua buah sekolah sahaja, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar telah menyatakan bahawa pelaksanaan konsep sekolah wawasan masih diteruskan. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa sekolah wawasan telah memberi kesan yang positif dalam membantu mewujudkan sikap saling menghormati antara kumpulan etnik. Objektif asas untuk menanam sifat perpaduan dalam diri pelajar sekolah di peringkat sekolah rendah lagi dalam program sekolah wawasan ini amat berkesan dalam usaha melahirkan masyarakat majmuk yang lebih utuh masa hadapan. Melalui program yang lebih berkesan seperti hari sukan, sambutan perayaan bersama dan juga berkongsi infrastruktur yang sama dapat mewujudkan hubungan komunikasi yang baik bukan sahaja pelajar malah guru

sendiri. Secara umumnya kajian ini membuktikan lagi kebenaran fungsi pendidikan sebagai alat pemupukan integrasi nasional di negara ini.

**NATIONAL INTEGRATION OF VISION SCHOOL IN KOMPLEKS
SEKOLAH WAWASAN TAMAN AMAN, ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN**

ABSTRACT

The establishment of the Vision School is an idea and a proposal made by the Education Ministry in order to solidify the concept of unity within multicultural Malaysians especially among the younger generations. Throughout this study, the researcher will examine the effectiveness of the Vision School concept in Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar (SWTA) in reaching the objectives that has been outlined by the Education Ministry. Overall, this research will only involve two schools instead of the original three schools. The two schools are SK Taman Aman and SJKT Thruvalluvar. The third school, SJKC Pumpong, has relocated to a new premise and is therefore no longer a part of the Vision School program. Despite the reduction in the number of participating schools, the District Education Office of Kota Setar has decided to proceed with the Vision School concept. The result of this study shows the majority of the respondents agree that the Vision School has given a positive impact in promoting mutual respect in between ethnics. The core objective of instilling unity among primary school students within the Vision School concept is effective in paving the way for the establishment of an enduring plural society in the future. Through the organization of effective programs such as Sports Day, collective festive celebrations and sharing the same infrastructure, effective communications can be established not only among students but also between students and teachers. In general, this study proves education is indeed a powerful and effective tool in fostering national integration in this country.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia sebagai negara yang kian pesat membangun, sudah pasti akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Namun, keutuhan Malaysia mengekalkan konsep pemajmukan etnik, jika tidak diimbangi dengan betul, akan mewujudkan satu lagi perbalahan etnik. Konsep Sekolah Wawasan yang kini dipraktikkan, dipandang sebagai salah satu usaha pemimpin negara untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Selepas 15 tahun diperkenalkan, apakah konsep Sekolah Wawasan telah berjaya mengubah landskap perpaduan terutamanya di kalangan pelajar-pelajar terlibat? Jika dilihat kerangka konsep yang berkenaan, sekolah yang dahulunya terasing antara satu sama lain kini disatukan dalam satu sistem pendidikan yang seragam dan selari dengan hasrat negara untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai semangat baru bagi meneruskan wadah wawasan negara. Falsafah Pendidikan Negara juga menitikberatkan keharmonian dalam proses penimbaan ilmu. Justeru itu langkah bijak ini dianggap sebagai persediaan Malaysia menempuh alaf mendatang yang sudah pasti lebih mencabar serta menuntut ketahanan mental dan kerohanian masyarakatnya.

Sistem pendidikan, melalui sistem persekolahan, merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat

dari segi ekonomi, politik, dan sosial. Sistem persekolahan bukan sahaja berperanan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat semata-mata, bahkan ia merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan dengan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, dan adat resam di mana ia dikenali sebagai masyarakat majmuk. Pelaksanaan sistem pendidikan yang dijalankan perlu mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat Malaysia.

Masyarakat Malaysia yang terdiri dari bangsa Melayu, Cina, India, lain-lain etnik, dan beragama Islam, Buddha, Hindu, dan Kristian menjadi rujukan pihak pemerintah sebelum sesuatu dasar dirangka agar manfaat dan faedah dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat. Melalui pendidikan, nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bekerjasama, dan aspek-aspek moral diterapkan kepada masyarakat yang bertujuan untuk melahirkan pewaris negara yang berkualiti, bertanggungjawab, berdaya saing, bijak, dan mempunyai sifat patriotik di mana ia penting untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. Sistem persekolahan yang terbaik adalah sistem persekolahan yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia, di mana ia tidak hanya terhenti apabila seseorang individu tamat persekolahan atau tamat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangan bagi memartabatkan bangsa dan negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perpaduan dalam kalangan murid merupakan matlamat utama penubuhan Sekolah Wawasan. Merujuk Kertas Konsep Dan Pelaksanaan Sekolah Wawasan (KPM, 2000) Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyenaraikan empat matlamat Sekolah Wawasan iaitu :

1.2.1. Untuk mewujudkan perpaduan di kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa dan latar belakang.

1.2.2. Untuk memupuk semangat integrasi antara murid dari pelbagai aliran.

1.2.3. Untuk melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu.

1.2.4. Untuk menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

Merujuk kepada matlamat yang disenaraikan di atas, tiga dari matlamat tersebut merupakan tujuan iaitu perpaduan, integrasi dan sifat toleransi. Manakala matlamat keempat lebih merupakan pelaksanaan iaitu interaksi melalui kemudahan sekolah dan aktiviti di sekolah. Ramai pengkaji telah membuat kajian dan penyelidikan berkaitan integrasi murid di Sekolah Wawasan. Antara perkara yang menjadi tumpuan

semasa penyelidikan mereka ialah aktiviti yang mendorong kepada perpaduan serta perancangan pihak pentadbir untuk memastikan wujudnya perpaduan dalam kalangan murid daripada tiga buah sekolah. Para pengkaji tersebut semasa membentangkan laporan, di bahagian pengenalan mahupun semasa membuat rumusan, para pengkaji tidak lupa memasukkan kenyataan yang menyatakan terdapat beberapa kemudahan yang dikongsi bersama seperti padang, dewan, kantin, tapak perhimpunan dan gelanggang..

Bagi melengkapkan kajian terhadap keempat-empat matlamat yang telah disenaraikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Kertas Konsep Dan Pelaksanaan Sekolah Wawasan (Kementerian Pelajaran (KPM), 2000), maka wajarlah matlamat perkongsian ini dikaji dengan mendalam.

1.3 Permasalahan Kajian

Sistem persekolahan yang dikhaskan untuk setiap kumpulan etnik di Malaysia masih lagi wujud dan terpelihara kestabilannya sehingga hari ini. Namun demikian, persoalan yang timbul ialah adakah sistem pendidikan sedemikian mampu menjamin perpaduan antara etnik di Malaysia? Ini kerana sistem sedemikian menunjukkan bahawa pergaulan dan interaksi antara pelajar pelbagai etnik agak terbatas berbanding pergaulan mereka sesama kumpulan etnik sahaja (Ramlan Abd. Wahab, 2000). Sekolah Wawasan merupakan agenda penting kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat berbilang etnik di Malaysia. Perpaduan antara etnik merupakan agenda utama yang sering kali dijadikan isu para pemimpin negara kita. Negara yang

mempunyai komposisi etnik yang berbeza sudah pasti akan mengalami kesulitan untuk menyatupadukan rakyatnya yang datang dari pelbagai kumpulan masyarakat.

Sejarah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu juga memberikan gambaran kepada rakyat zaman ini bahawa konsep perpaduan di kalangan pemimpin dan rakyat amat penting dalam usaha menuntut kemerdekaan. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dalam usaha untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyatnya. Pendidikan telah lama dianggap sebagai faktor penting bagi menyatupadukan rakyat. Selepas tercetusnya peristiwa berdarah yang melibatkan rusuhan etnik pada 13 Mei 1969, Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk Abdul Rahman Yaakub telah mengarahkan penukaran sekolah aliran Inggeris kepada sekolah aliran kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bermula iaitu pada tahun 1970. Salah satu daripada objektif pertukaran tersebut adalah untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Negara (Johari Ibrahim, 2009).

Pada masa yang sama ia juga bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat melalui pengamalan satu bahasa di peringkat sekolah. Sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa pengantar bukan Melayu terus dikekalkan. Bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menitikberatkan keharmonian dalam proses penimbaan ilmu, maka institusi pendidikan peringkat rendah merupakan wadah yang sesuai bagi kerajaan merealisasikan matlamat untuk menyatupadukan etnik. Seperti mana yang diketahui, bahawa usaha kerajaan untuk melaksanakan Sekolah Wawasan telah menimbulkan pelbagai reaksi khususnya di kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Konsep Sekolah Wawasan harus dilihat dari perspektif

yang positif iaitu satu alternatif untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan bukannya bertujuan untuk menghapuskan identiti sesuatu etnik serta menghilangkan terus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Sebagai sebuah negara yang sudah mencapai kemerdekaan selama 55 tahun, masyarakat Malaysia seharusnya sudah menyaksikan sebuah generasi yang bangga mengidentifikasikan dirinya sebagai bangsa Malaysia.

Sebaliknya yang berlaku ialah masih ada lagi rakyat Malaysia yang merujuk dirinya mengikut pengenalan keturunan dan etniknya. Melalui Sekolah Wawasan, interaksi secara langsung oleh murid-murid yang terdiri daripada pelbagai keturunan akan menjayakan matlamat perpaduan antara etnik (Teh Kean Kiat, 2009). Konsep Sekolah Wawasan ini juga begitu bersesuaian dengan pepatah Melayu yang mengatakan "Melentur Buluh Biarlah Daripada Rebung." Pendedahan pada peringkat awal (murid-murid sekolah rendah) adalah yang paling sesuai (Teh Kean Kiat, 2009).

Pengelompokan adalah salah satu elemen dalam sistem sekolah wawasan yang dibincangkan. Namun demikian, sejauhmanakah pengelompokan ini dapat membentuk satu kumpulan masyarakat yang lebih bersatu padu? Ketidakefahaman yang wujud dalam kumpulan etnik masing-masing terhadap kumpulan etnik yang lain tidak dapat dihapuskan jika ketika di rumah pelajar-pelajar ini tidak diberi pendidikan dan tunjuk ajar yang sempurna. Oleh yang demikian, melalui kewujudan Sekolah Wawasan ini diharap mampu mengikis sedikit sebanyak sifat negatif terhadap etnik lain dapat dilakukan.

Bagi kawasan kajian iaitu Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar, pada awalnya terdapat tiga buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Taman

Aman, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pumpung, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Thiruvalluvar. Namun demikian, atas sebab SJKC Pumpung telah berpindah ke bangunan yang baru, maka Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman ini hanya mempunyai dua sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Aman dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Thiruvalluvar. Keberkesanan konteks sekolah wawasan ini hanya akan mengkaji di dua buah sekolah ini sahaja.

1.4 Sorotan Karya Lepas

Konsep sekolah vernikular masih diteruskan di Malaysia kerana Dasar Pendidikan Kebangsaan. Menurut kajian oleh Azizi Yahaya, Amir Hamzah dan Sanif Sapaat (2003), masih ada sekolah di Malaysia yang dikhaskan untuk kaum Melayu, Cina dan India. Persoalannya, bagaimana jika sekolah sebegini masih wujud untuk tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang dan adakah sistem pendidikan sedemikian mampu menjamin perpaduan antara kaum di Malaysia tetap kukuh. Ilham yang telah dicetuskan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika itu, iaitu pengwujudan Sekolah Wawasan mampu menjadi titian untuk mencapai matlamat penyatuan kaum yang terdapat di Malaysia untuk mencintai negara sepenuhnya.

Di dalam mengkaji pelaksanaan Sekolah Wawasan, Azizi Yahya et. al (2003) menyatakan bahawa seandainya dilihat daripada strategi kerajaan, konsep Sekolah Wawasan merupakan kesinambungan daripada matlamat Wawasan 2020 iaitu mengintegrasikan masyarakat Malaysia dalam Wawasan 2020. Proses menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik merupakan satu agenda yang paling

penting dalam negara seperti Malaysia. Dunia sudah acapkali menyaksikan keruntuhan sistem sosial negara-negara yang mempunyai komposisi kaum berbeza kerana tiada wujudnya persefahaman antara etnik.

Bagi menuju ke matlamat itu, Malaysia perlu bersedia menyediakan modal insan yang jauh daripada unsur perosak sebaliknya sentiasa hidup dalam situasi harmoni dan bekerjasama. Bukan mudah bagi negara memastikan ia sentiasa berada dalam situasi terkawal. Pembentukan sistem persekolahan yang membolehkan murid pelbagai kaum bergaul dalam satu ruang yang sama adalah asas kepada kemenjadian warga pelbagai kaum berjiwa Malaysia tanpa menghilangkanan identiti setiap kaum.

Kajian oleh Mohd. Izham dan Jamalullail (2006, seperti dalam Kamaruzzaman bin Yahya, 2011), berkaitan pelaksanaan Sekolah Wawasan yang disiarkan dalam Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB, Disember 2006, Jilid 16. Bil 02, mendapati bahawa :

- (a) Kesemua guru (100%) bersetuju dengan penubuhan Sekolah Wawasan.
- (b) Pencapaian akademik murid Sekolah Wawasan boleh ditingkatkan dengan cara mengoptimumkan penggunaan sumber yang terdapat di Sekolah Wawasan seperti kepakaran guru, kemudahan peralatan sains dan multimedia, BBM, bangunan dan sebagainya.
- (c) Penggunaan sumber secara optimum boleh dicapai melalui pelbagai jenis kerjasama dalam pengajaran dan pembelajaran di antara Guru Besar, guru dan murid yang terdapat di ketiga-tiga sekolah di Kompleks Sekolah Wawasan.

(d) Sehubungan itu, matlamat penubuhan Sekolah Wawasan hendaklah dilihat secara menyeluruh iaitu di samping faktor perpaduan, tetapi juga aspek lain yang sama penting iaitu untuk peningkatan pencapaian akademik murid.

Kajian tersebut jelas menunjukkan konsep penubuhan Sekolah Wawasan telah diterima dan terdapat peluang-peluang kerjasama antara ketiga-tiga sekolah berlainan aliran. Kerjasama ini boleh dipertingkatkan dengan menggunakan sumber-sumber yang ada di sekitar sekolah tersebut. Bagaimanapun kajian yang dilaksanakan adalah khusus kepada kerjasama dalam bidang pencapaian akademik yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian di atas tidak mempertimbangkan penggunaan prasarana di sekolah tersebut dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kokurikulum dan kesannya kepada integrasi murid sebagaimana yang diharapkan melalui penubuhan Sekolah Wawasan.

Konsep Sekolah Wawasan ialah usaha melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara dengan menyatukan sekolah dalam satu sistem pendidikan yang seragam yang dahulunya terasing antara satu sama lain untuk mewujudkan satu pertembungan etnik dalam satu ruang yang sama. Ini bermaksud penggabungan sekolah berkenaan sudah pasti akan menemukan pelajar kepada satu andaian baru dalam hidup mereka.

Kajian oleh Teh Kien Keat (2009) ke atas Sekolah Wawasan mendapati bahawa konsep Sekolah Wawasan merupakan kaedah yang terbaik bagi merealisasikan integrasi kaum dan menghapuskan tembok pemisah serta

mengurangkan jurang yang wujud antara pelbagai kaum di negara kita. Sama ada disadari ataupun tidak, dengan membiarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan terus wujud dalam bentuknya yang asal akan menyebabkan proses integrasi dan asimilasi terbantut. Semenjak pemerintahan kolonial British lagi pemecahan penempatan berlaku berdasarkan kepada etnik yang telah menimbulkan satu jurang pemisah. Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pemerintahan Inggeris ketika dahulu merupakan strategi bagi mengelakkan wujudnya perpaduan antara etnik.

Kajian oleh Ahmad Rusdi (2006) pula mendapati bahawa konsep Sekolah Wawasan yang diperkenalkan mempunyai matlamat yang baik dalam meningkatkan hubungan antara etnik terutamanya pada peringkat usia awal. Walaupun terdapat pelbagai kritikan namun matlamat penubuhan sekolah ini baik untuk perpaduan negara terutamanya dalam usaha mencapai Wawasan 2020. Walaupun demikian, masih terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan lagi melalui tatacara dan penyusunan program dalam konsep Sekolah Wawasan ini seiring dengan perubahan zaman dan teknologi yang semakin maju sekarang ini.

Sebenarnya konsep Sekolah Wawasan telah pun dipersetujui oleh Kabinet pada tahun 1997 berikutan wujudnya kesedaran di kalangan para pemimpin negara betapa pentingnya perpaduan etnik dipupuk di peringkat yang lebih awal. Pendidikan pula dapat menyeimbangkan sosio-ekonomi di antara etnik di mana ia dapat dilihat melalui peluang-peluang pekerjaan, pendapatan, dan pegangan ekuiti (Robiah Sidin, 1999). Apabila keadaan ini tercapai, kestabilan ekonomi, politik, dan sosial akan dapat berkembang maju. Contohnya pada zaman pemerintahan Inggeris, punca etnik Melayu mundur dan miskin adalah disebabkan mereka tidak diberikan peluang yang sama

untuk mendapat pendidikan. Ini juga menjadi penyebab utama perpaduan yang erat di kalangan masyarakat majmuk sukar untuk dicapai. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan dasar dan sistem pelaksanaan pendidikan yang tidak meliputi semua golongan masyarakat (Robiah Sidin, 1999).

Melalui penubuhan Sekolah Wawasan, kaedah pemikiran timbal balik harus digunapakai, iaitu proses melihat setiap perancangan yang dilakukan bagi mewujudkan elemen pertentangan atau lebih tepat lagi wujudnya konsep positif dan negatif. Jika difikirkan bahawa Sekolah Wawasan akan menjamin mutu pendidikan negara, namun adakah ia akan dapat mencapai matlamat itu sepenuhnya? Jika dilihat secara global, mungkin akan wujud pelbagai masalah daripada sistem ini. Jika hanya melihat dalam satu sudut pandangan memanglah amat baik tetapi perlu juga difikirkan positif dan negatif dalam membina sesuatu sistem itu. Syed Husin Ali (2008) menyatakan bahawa seperkara yang perlu diingat, masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik dan isu-isu sensitif akan mengundang konflik yang membawa parah.

Sejarah negara telah menyaksikan bahawa sistem pendidikan yang ditinggalkan oleh penjajah Inggeris iaitu pengasingan sekolah dan tiadanya peraturan yang seragam dipakai untuk semua sekolah telah melahirkan bibit-bibit semangat perkauman yang menebal (Atan Long, 1984). Pada ketika itu, sekolah Cina menggunakan sukatan dan sistem pendidikan yang berorientasikan negara China. Begitu juga dengan sistem pendidikan bagi masyarakat India yang berkiblatkan negara India. Di beberapa buah sekolah pula, guru-guru diambil dari negara China dan India. Situasi begini yang ingin dilihat oleh penjajah dengan rakyat Tanah Melayu pada

ketika itu tidak bersatu padu. Semangat perkauman yang tebal ini terbawa-bawa selepas merdeka sehingga mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969.

Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan dan memperdebatkan berkenaan dengan pelaksanaan dan keberkesanan sistem persekolahan negara iaitu konsep Sekolah Wawasan dalam konteks perpaduan nasional melalui analisis terhadap strategi yang telah dirangka oleh kerajaan Malaysia sejak sebelum merdeka hingga kini.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini menumpukan kepada perpaduan yang wujud hasil daripada keberkesanan penubuhan Sekolah Wawasan. Persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah:

- 1.5.1. Apakah tujuan dan objektif penubuhan Sekolah Wawasan?
- 1.5.2. Bagaimanakah konsep Sekolah Wawasan dapat menerapkan perpaduan yang lebih utuh di kalangan pelajar terutamanya?
- 1.5.3. Apakah kesan daripada pembentukan Sekolah Wawasan terhadap perpaduan negara?

1.6 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini ialah:

- 1.6.1. Mengkaji tujuan dan objektif penubuhan Sekolah Wawasan dalam konteks pendidikan negara.
- 1.6.2. Mengkaji proses dan perjalanan pentadbiran Sekolah Wawasan dalam usaha meningkatkan perpaduan dalam masyarakat terutamanya pelajar di peringkat bawahan lagi.
- 1.6.3. Mengenalpasti kesan daripada pembentukan Sekolah Wawasan terhadap perpaduan negara.

1.7 Kepentingan Kajian

Dalam usaha kerajaan membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu melalui wadah pendidikan, maka kajian ini akan dapat memberi sumbangan dalam menuju ke arah matlamat itu. Kajian mengenai Sekolah Wawasan amat jarang dan kurang dilakukan sebelum ini dan kajian ini diharap akan membantu membuat penganalisisan mengenai keberkesanan Sekolah Wawasan yang telah bertapak hampir 15 tahun dalam system pendidikan negara. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu ahli akademik dan pihak terlibat untuk sama-sama memperbaiki dan meningkatkan mutu konsep Sekolah Wawasan jika terdapat apa-apa kekurangan yang dikenalpasti dalam kajian yang dijalankan ini untuk sama-sama berada di landasan yang tepat dalam mencapai Wawasan 2020 kelak.

Melalui kajian ini juga dapat dikenalpasti akan peranan pendidikan dalam menjadi alat berkesan dalam menjanakan perpaduan negara sejak dari peringkat awal kehidupan seseorang. Dapatan kajian ini juga mungkin dapat mengikis segala kritikan

atau kesangsian mengenai penubuhan Sekolah Wawasan terutamanya kepada kumpulan etnik minoriti dan seterusnya meredakan segala kemusykilan yang timbul.

Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat menghayati Penyata Razak (1956) yang di antaranya hendak menyatukan murid-murid daripada semua bangsa di dalam negara ini dengan memakai satu peraturan pelajaran. Pendidikan sebagai alat perpaduan kaum jelas dinyatakan dalam Penyata Razak (1956) yang mengemukakan dua elemen penting dalam dasar pendidikan dan dianggap dapat menyuburkan semangat perpaduan negara, iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan.

1.8 Batas Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi tumpuan terhadap beberapa aspek sahaja di mana aspek-aspek tersebut menjadi sebahagian daripada batasan kajian. Antara aspek-aspek yang diberi perhatian oleh pengkaji ialah:

1.8.1 Pemilihan Murid

Pemilihan murid sebagai sampel dalam kajian ini dihadkan kepada murid tahun empat dan murid tahun lima sahaja. Murid tahun satu hingga tiga tidak dilibatkan kerana mereka mungkin tidak dapat memahami kehendak soalan dan mereka juga tidak lagi terlibat dengan aktiviti kokurikulum sekolah secara optimum. Murid Tahun enam dikecualikan kerana mereka akan menghadapi peperiksaan UPSR kelak dan ini juga bagi mengelakkan daripada mengganggu mereka.

1.8.2 Sampel Kajian

Kajian yang dilakukan ini hanya memfokus kepada Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar, Kedah di Utara Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini tidak boleh dikatakan menggambarkan pendapat keseluruhan Sekolah Wawasan di Malaysia.

1.8.3 SJKC Pumpong keluar SWTA

Konsep Sekolah Wawasan yang dicadangkan sepeatutnya mempunyai tiga buah sekolah dalam satu kawasan. Namun demikian, pada tahun 2010, SJKC Pumpong yang merupakan salah satu sekolah dalam kawasan Kompleks SWTA telah keluar dari kompleks sekolah ini kerana berpindah ke bangunan baru yang dibina untuk kegunaan sekolah ini. Hal ini telah menyebabkan SWTA hanya mempunyai dua buah sekolah sahaja iaitu SK Taman Aman dan SJKT Thiruvalluvar. Oleh yang demikian, kajian ini menghadapi masalah dalam mendapatkan pandangan daripada mana-mana wakil SJKC dalam merungkaikan keberkesanan konsep Sekolah Wawasan.

Walaupun menghadapi masalah dari segi ketiadaan SJKC, namun apabila ditemubual bersama pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Kedah akan kesan daripada masalah ini terhadap pelaksanaan Sekolah Wawasan, beliau menyatakan bahawa konsep Sekolah Wawasan masih lagi berjalan walaupun hanya tinggal dua buah sekolah sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini menumpu kepada pelaksanaan konsep

Sekolah Wawasan di SWTA yang mempunyai dua buah sekolah sahaja iaitu SK Taman Aman dan SK Thiruvalluvar.

1.9 Kerangka Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab secara keseluruhannya. Bab 1 adalah Pendahuluan yang merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Bab 2 adalah Konsep dan Teori Sekolah Wawasan yang menghuraikan konsep dan teori yang diaplikasikan dalam kajian ini. Bab 3 adalah Metodologi Kajian yang menerangkan kaedah yang digunakan untuk kajian ini. Bab 4 adalah Dapatan Kajian yang memaparkan latar belakang responden kajian dan juga hasil daripada data analisa yang diperolehi. Bab 5 dan terakhir adalah Kesimpulan dan Cadangan Kajian yang merangkumi keseluruhan perbincangan dan cadangan dalam kajian yang dilakukan.

1.10 Kesimpulan

Perkembangan pendidikan di Malaysia ternyata mengalami banyak perubahan, terutama sejak zaman penjajahan hinggalah zaman selepas merdeka. Perkembangan masyarakat seiring dengan perkembangan dasar-dasar negara yang sentiasa ditambahbaik bagi memastikan keperluan rakyat terbela. Aspek-aspek murni amat ditekankan dalam pendidikan kerana sebagai sebuah masyarakat majmuk, nilai-nilai murni perlu ada dalam diri setiap masyarakat. Namun, walaupun banyak perubahan yang telah dilakukan, kelemahan-kelemahan masih lagi wujud dan perlu diambil serius oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikannya dengan segera. Kelemahan yang wujud

umpama barah yang akan merebak menjadi semakin besar, malah boleh menyebabkan perpecahan dalam masyarakat.

Masalah-masalah yang melibatkan isu-isu antara etnik perlu diselesaikan segera, bukan dibiarkan senyap begitu sahaja. Oleh itu, untuk mencapai matlamat perpaduan negara yang kukuh, seluruh masyarakat perlu berganding bahu, seiring dengan usaha murni kerajaan melalui dasar-dasar dan rancangan baru. Mutu pendidikan yang sempurna serta hubungan masyarakat yang harmoni menjadi tunggak kejayaan yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan dapat merealisasikan Wawasan 2020. Konsep Sekolah Wawasan telah diluluskan oleh kabinet pada 1997 yang mana telah menjadi satu langkah kerajaan yang terbaru dan efektif di dalam usaha menyatupadukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik. Walaubagaimanapun, selepas 15 tahun, ia masih menjadi dilema sama ada kekal relevan atau tidak dalam konteks pendidikan negara pada masa kini.

BAB 2

KONSEP DAN TEORI SEKOLAH WAWASAN

2.1 Pengenalan

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 merupakan titik hitam dalam sejarah negara. Walaupun kejadian itu sudah lama berlalu, tidak mustahil ia berulang kembali jika gagal memanfaatkan masa dan zaman yang sedang diharungi. Ketika itu Malaysia mengalami kekacauan yang sungguh mengaibkan. Lantaran peristiwa itu, pemimpin negara diketuk minda mereka untuk memulihkan semula hubungan antara kaum di negara ini. Kesenambungan usaha itu berlanjutan sehinggalah ke dekad baru ini.

Cadangan bekas Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk membentuk sistem persekolahan yang lebih bersifat kolektif dan berciri keharmonian kaum dianggap langkah bijak. Sebagai negara yang kian pesat membangun, sudah pasti Malaysia akan mengalami perubahan dalam semua aspek keperluan negara, khususnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi. Namun, keutuhan Malaysia mengekalkan konsep pemajmukan kaum, jika tidak diimbangi dengan betul, akan mewujudkan satu lagi pertentangan kaum.

2.2 Latar Belakang Pendidikan di Malaysia

Sebelum kedatangan pihak British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan orang Melayu adalah berlandaskan kepada pelajaran agama Islam, iaitu kitab suci Al-Quran.

Mereka ketika itu menjadikan surau dan masjid sebagai tempat untuk menuntut ilmu dengan mengkaji ayat-ayat kitab Al-Quran. Pelajaran yang diperolehi ketika itu melalui dengan menghafal ayat-ayat Al-Quran, menghafal doa, dan mempelajari mengenai ajaran Islam dengan merujuk kepada imam dan para guru agama.

Pada ketika itu, sistem pemerintahan yang dijalankan adalah pemerintahan beraja. Jadi, tidak timbul masalah berkenaan dengan perebutan kuasa untuk memerintah. Pendidikan yang penting pada ketika itu ialah pendidikan Islam di mana yang mula berkembang dengan kewujudan sekolah-sekolah pondok dan madrasah sebagai tempat mendapat pendidikan Islam. Menurut Wilkinson, murid di pondok mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka akan terus mempelajari dengan cara menghafal huruf abjad Arab supaya menjadi sebagai panduan membaca doa dan teks Arab (Mok Soon Sang, 2000).

2.2.1 Sejarah Awal dan Semasa Penjajahan British

Sewaktu zaman penjajahan British, mereka telah melaksanakan sistem pendidikan yang berteraskan pendidikan Inggeris, di mana sekolah-sekolah aliran Inggeris ini mengajar mata pelajaran dalam bahasa Inggeris. Hal demikian memberi cabaran dan halangan terhadap bangsa Melayu ketika itu kerana majoriti masyarakat Melayu tidak mahir untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini pula ditambah dengan dasar yang dibuat oleh pihak British untuk menyekat kemasukan pelajar-pelajar Melayu untuk belajar di sekolah Inggeris kerana mereka bimbang jika orang-orang Melayu belajar dengan pandai, ia akan membuat kedudukan Inggeris tergugat (Sufean Hussin, 2002). Hanya pelajar-pelajar Melayu yang terdiri dari kelas

atasan sahaja yang diberi peluang untuk belajar di sekolah Inggeris. Pada zaman penjajahan ini, dasar pendidikan – terutama sistem persekolahan – tidak menghasilkan keberkesanan yang positif, terutama untuk perpaduan dan pelaksanaannya mempunyai banyak kelemahan kerana British hanya mementingkan keuntungan ekonomi dan kedudukan sendiri sahaja (Ibrahim Saad, 1986).

Semasa penjajahan British, pihak Inggeris juga telah mewujudkan sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, dan sekolah vernakular Tamil (Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999). Kewujudan sekolah vernakular telah menyebabkan masyarakat Melayu, Cina, dan India dipisahkan mengikut sistem persekolahan; dan menyebabkan hubungan mereka semakin renggang.

Menurut Johari Ibrahim (2009, seperti dalam Kamaruzzaman bin Yahya, 2011), konsep Sekolah Wawasan juga merupakan salah satu usaha kerajaan untuk melahirkan bangsa Malaysia yang lebih bersifat cintakan negara. Jika dilihat dari segi konsepnya, sekolah yang diwujudkan dahulu terasing antara satu sama lain tetapi kini akan disatukan dalam sistem pendidikan yang seragam dan selari dengan hasrat untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai semangat baru bagi meneruskan wawasan negara. Kamaruzzaman

Sekolah vernakular Melayu, Cina, dan India mempunyai kepentingan tersendiri, terutama untuk kaum tertentu, iaitu sekolah Melayu untuk kepentingan orang Melayu, sekolah Cina untuk kepentingan orang Cina, dan sekolah Tamil untuk kepentingan orang India. Tetapi British tidak memainkan peranan dengan adil, terutama dari segi layanan yang setaraf kepada semua bangsa. Contohnya, sekolah

vernakular Melayu dan Tamil hanya terhad untuk sekolah rendah sahaja, manakala sekolah vernakular Cina mendapat keistimewaan melalui sekolah rendah (6 tahun). Lulusan untuk sekolah Melayu hanya setakat memenuhi keperluan tenaga manusia yang paling rendah.

Laporan Barnes 1950 telah menjadi penggerak perubahan kedudukan pendidikan orang Melayu kerana telah bangkit kesedaran semangat nasionalisme selepas tamat Perang Dunia II pada tahun 1946 (Shahril @Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999). Mengikut Laporan Barnes 1950, kewujudan sekolah vernakular tidak menyumbang ke arah perpaduan kaum, di mana antara syor Jawatankuasa Barnes adalah sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan.

Laporan Fenn-Wu (1951, seperti dalam Kamaruzzaman bin Yahya, 2011) berusaha dan bertujuan untuk mempertahankan kedudukan pendidikan masyarakat Cina. Perubahan pendidikan sentiasa berlaku ketika itu kerana kehendak rakyat perlu dipenuhi bagi menjamin perpaduan dan kesejahteraan negara. Ordinan Pelajaran 1952 telah ditubuhkan, impak daripada hala tuju Laporan Barnes 1950 dan Laporan Fenn-Wu 1951 yang berlainan matlamat untuk dicapai. Maka, singkat kata, kesan daripada sistem pendidikan penjajahan British itu adalah wujudnya: (1) Sekolah Pondok dan Madrasah, (2) Sekolah Vernakular Melayu, (3) Sekolah Vernakular Cina, (4) Sekolah Vernakular Tamil, dan (5) Sekolah Inggeris. (Fenn-Wu, 1951)

2.2.2 Pendidikan di Malaysia Selepas Merdeka

Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis ke arah pengukuhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas merdeka 1957, Malaysia merupakan negara baru dan memulakan zaman untuk mengukuhkan semula pendidikan negara supaya selari dengan matlamat perpaduan nasional. Akta Pelajaran 1961 pula bukti usaha murni yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi mengembalikan semula kepercayaan rakyat supaya mereka memahami dasar pendidikan yang dilaksanakan kerajaan demi kepentingan masyarakat Malaysia yang majmuk. Laporan Razak 1956 boleh dijadikan sebagai batu loncatan ke atas dasar dan sistem pendidikan kebangsaan yang mempunyai perubahan yang positif, terutama membentuk dan memupuk perpaduan negara (Abu Bakar Nordin, 1994).

Perpaduan antara masyarakat majmuk merupakan asas utama yang diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia ketika menggubal dasar pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal demikian menjadikan dasar-dasar penting dalam Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pendidikan 1961. Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mengubah lanskap politik, ekonomi, dan sosial masyarakat Malaysia di mana selepas peristiwa itu berlaku, pihak kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Peristiwa berdarah itu turut memberi impak yang besar kepada dasar pendidikan.

Semasa Rancangan Malaysia Kedua, iaitu 1971-1975, rancangan pendidikan negara ditumpukan pada tiga bidang, iaitu menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan perpaduan negara, memperluaskan rancangan pelajaran bagi mencapai

keperluan negara mengenai tenaga rakyat, dan memperbaiki mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden. Bagi mencapai rancangan itu, strategi untuk melaksanakannya disediakan, iaitu melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secara berperingkat, mengurangkan jurang perbezaan dalam memberikan peluang pelajaran di antara kawasan dan antara etnik melalui pembinaan sekolah dan kemudahan sekolah di luar bandar, dan meningkatkan mutu pelajaran.

Pada tahun 1983, kerajaan Malaysia telah wujudkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara; dan tahun 1989 kerajaan melaksanakan rancangan kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah menengah seluruh Malaysia. Kedua-dua KBSR dan KBSM mempunyai objektif yang sama, iaitu sebagai alat perpaduan etnik dan negara. Selepas DEB tamat pada tahun 1990, kesinambungan daripadanya terbentuk Dasar Pembangunan Negara (DPN), 1991-2000, di mana ketika ini berlangsungnya Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan Ke-tujuh (1996-2000). Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, terutama dalam sektor pendidikan, kerajaan merangka untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia.

Salah satu program yang bermatlamatkan perpaduan ialah Sekolah Integrasi. Ia telah dilancarkan pada tahun 1985 dengan tiga buah sekolah rendah berlainan aliran diletakkan dalam satu kompleks (Berita Minggu, November 11, 2000). Walau bagaimanapun, program ini telah mendapat kritikan dan bantahan daripada sebahagian masyarakat Cina dan oleh yang demikian ia hanya tinggal dalam bentuk gagasan sahaja.

Pada tahun 1995, sebuah program baru diperkenalkan yang merupakan ‘jelmaan semula’ konsep Sekolah Integrasi tetapi dalam bentuk dan program yang lebih ditransformasi iaitu Sekolah Wawasan (Ramlan Abd. Wahab, 2000).

2.3 Hala Tuju Sistem Pendidikan Di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional

Kementerian Pelajaran Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa perubahan pendidikan di Malaysia sejak sekian lama lagi. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, di samping memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan matlamat, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersatupadu, beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara.

Pada tahun 2007, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang bertujuan untuk melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah, melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkemampuan, dan dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia (KPM, 2010). Melalui PIPP 2006-2010 tersebut, 6 teras strategik digaris, iaitu: